

PERSOALAN :

ibu kandung	gelanggang	Kak Uda	Haji Marzuki
jurulatihnya	permainan	Terbuka	latihan
Jakarta	Universiti	Bandar Baru Bangi	Antarabangsa

Antara persoalan dalam novel ini ialah berkaitan dengan dunia badminton. Contohnya Syahir dan teman-temannya banyak menghabiskan masa di tempatuntuk mempersiapkan diri menyertai Terbuka Johor dan Kejohanan Badminton..... Mereka berlatih bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam kejohanan yang disertai. Selain itu, Perasaan kasih sayang terhadap..... Contohnya Syahir amat menyayangi emaknya. Ketika dia ada kelapangan, dia akan pulang ke rumah untuk menemui emaknya yang terletak di..... Syahir juga berasa amat risau apabila mengenangkan emaknya yang demam sewaktu dia menyertai Johor. Begitu juga sebelum keuntuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa, dia mengunjungi emaknya yang menghidap strok di Hospital..... . Seterusnya, Syahir juga sentiasa menghubungi untuk mengetahui keadaan kesihatan emaknya sewaktu di Jakarta. Apabila pulang dari Jakarta, dia segera bertemu emaknya yang masih berada di hospital. Akhir sekali, Perasaan hormat terhadap orang yang lebih berpengalaman. Contohnya Syahir amat menghormati jurulatihnya Haji Marzuki. menegur kelemahan Syahir yang banyak bermain mengikut mood, lalu memintanya mengawal emosi ketika berada di..... Syahir menerima teguran dan motivasi daripada Haji Marzuki kerana dia amat menghormati pengalaman yang dimiliki oleh itu.

Nilai

(a)

Contohnya Syahir dan rakan-rakannya dalam skuad kebangsaan telah berlatih dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk mengharungi kejohanan yang seterusnya.

(b)

Contohnya, tindakan Wan Najlah memakai tudung dan seluar trek panjang semasa berlatih di kem latihan wanita telah membuktikan bahawa dia berani melakukan perubahan untuk menutup aurat seperti yang pernah dikatakan kepada Syahir.

(c)

Contohnya, Kak Uda sanggup menjaga emaknya yang menghidap strok dengan mengambil cuti. Tambahan pula, pada masa yang sama Syahir tidak dapat menjaga emak kerana akan bertanding di Jakarta.

(d)

Contohnya, kekalahan Syahir di tangan Syed Amiri dalam kejohanan Terbuka Johor diterima dengan hati yang reda. Syahir memperbanyak zikir dan memohon kepada Allah agar diberi kekuatan untuk menahan diri daripada menyerah pegawai-pegawai perlawanan yang bersekongkol untuk memenangkan Syed Amiri.

(e)

Contohnya, Wan Najlah meminta maaf kepada Syahir atas sikapnya yang emosional. Seterusnya, dia menyatakan hasratnya untuk menutup aurat semasa bermain badminton kerana mahu mengikut jejak langkah Syahir yang memelihara syariat Islam semasa bersukan.

(f)

Contohnya, Haji Marzuki menasihat Syahir agar sentiasa bersikap rasional dan tenang sebagai persediaan ke Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta. Haji Marzuki mahu Syahir mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya terlebih dahulu.